

Kerajaan peroleh pertambahan kutipan sebanyak 3.4 peratus kepada RM220.63 bilion

Hasil cukai negara meningkat

Oleh DIYANATUL ATIQA ZAKARYA,
NORAINI HASSAN BASRI dan
AMEEN AZIZUL AZIZ

KUALA LUMPUR – Kerajaan Persekutuan mengutip hasil berjumlah RM220.63 bilion pada 2014 meningkat sebanyak RM7.256 bilion atau 3.4 peratus berbanding RM213.370 bilion tahun sebelumnya.

Hasil cukai dan terimaan bukan hasil menunjukkan peningkatan manakala hasil bukan cukai serta hasil Wilayah Persekutuan menunjukkan penurunan, demikian menurut Ketua Audit Negara, Tan Sri Amrin Buang.

Beliau berkata demikian dalam satu kenyataan akhbar mengenai laporan Penyata Kewangan dan Pengurusan Kewangan Tahun 2014 serta Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri



AMBRIN



Siri 3 yang dibentangkan di Parlimen di sini semalam.

Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh cukai pendapatan individu dan syarikat, hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit, duti eksais terhadap barangan import serta cukai jualan atas barang-barang perkilangan dalam negeri.

Perkembangan ekonomi domestik yang stabil serta aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menyumbang kepada peningkatan hasil, katanya.

Bagaimanapun, kutipan cukai pendapatan petroleum dan faedah serta perolehan daripada pelaburan menunjukkan pengurangan berbanding 2013 disebabkan penurunan harga petroleum mentah dan terimaan dividen yang lebih rendah dari-



JABATAN Audit Negara di Putrajaya mendapati kerajaan Persekutuan mengutip hasil sebanyak RM220.63 bilion pada 2014 berbanding RM213.370 bilion pada tahun sebelumnya. – Gambar hiasan

pada syarikat kerajaan.

Pada keseluruhannya, Jabatan Audit Negara mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan agensi bagi 2014 masih baik dengan 172 kementerian/Jabatan/Agensi yang mendapat penarafan empat bintang (sangat baik) berbanding 194 pada 2013 dan 143 pada 2012.

Kandungan Laporan Ketua Audit Negara ini serta sinopsisnya boleh dilayari di <http://www.audit.gov.my> sementara satu sesi bersama media mengenai akan diadakan pada 2 Disember 2015 di Auditorium Jabatan Perkhidmatan Awam, Kompleks C, Putrajaya. – Bernama